

27 FEB 2003

AS-Malaysia/I

PENDIRIAN TEGAS BANTAH PERANG TIDAK JEJAS HUBUNGAN MALAYSIA DAN AS

KOTA KINABALU, 27 Feb (Bernama) -- Hubungan diplomatik antara Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia tidak akan terjejas dengan pendirian tegas Malaysia menentang peperangan, kata Duta AS ke Malaysia Marie Huhtala hari ini.

"Tidak, ia tidak menjejaskan hubungan diplomatik kami. Satu daripada perkara penting dalam tugas saya ialah untuk memaklumkan Washington mengenai pandangan di sini (Malaysia) , bukan sahaja pendapat rasmi kerajaan anda malah pendapat rakyat Malaysia juga.

"Kami sibuk menghantar maklum balas itu kepada Washington," katanya pada sidang berita di sini sempena lawatan pertamanya ke Sabah.

Kira-kira 200,000 rakyat Malaysia diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkumpul dalam satu perhimpunan aman di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur minggu lepas bagi mengutus mesej kepada dunia bahawa mereka menentang sebarang keganasan dan kekejaman peperangan.

Dr Mahathir juga menyampaikan ucapan tegas supaya diharamkan peperangan pada perasmian Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di Kuala Lumpur pada Isnin lepas.

Mengenai amaran kedutaan berhubung melancong di rantau ini, Huhtala berkata ia sering dikaji dan kedutaan juga mengadakan dialog berterusan dengan Washington mengenai keperluan nasihat kembara sedemikian.

"Saya amat menantikan masanya apabila kami dapat mengatakan bahawa kami tidak lagi perlu menasihati rakyat Amerika yang mahu ke (Pulau) Sipadan kerana ia adalah satu daripada tempat menyelam yang paling cantik di dunia," katanya.

Huhtala berkata Sabah disenaraikan dalam nasihat kembara selepas insiden pengeboman di Bali tahun lepas berikutan kejadian penculikan sekumpulan pelancong oleh gerila Abu Sayyaf di Sipadan pada 2000 dan kemungkinan insiden itu berulang.

Nasihat kembara itu bukan bertujuan memberi amaran kepada rakyat Amerika tentang ke mana mereka tidak harus pergi sebaliknya untuk memberi maklumat yang diketahui kedutaan mengenai sebarang potensi bahaya, katanya.

Menurutnya semasa lawatannya ke sini, beliau mendapati Sabah adalah sebuah negeri cantik yang menawarkan ciri-ciri pengembaraan dan eko-pelancongan menarik dan beliau percaya ramai pelancong Amerika akan ke negeri ini jika mereka tahu apa yang ditawarkan Sabah.

Ditanya potensi pelaburan Amerika di sini, Huhtala berkata secara umumnya syarikat-syarikat Amerika akan memastikan tentang lokasi dan insentif kerajaan selain kemudahan yang ada sebelum membuka cawangan di luar negara.

-- BERNAMA

MK JK NAK